

Terus lapor masalah rakyat

BH - 13/2/2008

PM minta media jangan sensasikan berita untuk sindir, perli pemimpin

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, media di negara ini perlu melaporkan sesuatu isu yang membabitkan kepincangan atau masalah yang dihadapi rakyat dengan cara yang baik.

Perdana Menteri berkata, laporan mengenai perkara itu juga harus dibuat secara objektif dan tidak digembar-gemburkan atau berniat me-

“Unsur perli ini tak payah dimasukkan dalam laporan. Lapor secara terus saja kerana pemimpin akan tahu juga”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

nyindir sehingga boleh menimbulkan kemarahan.

“Kalau nak beritahu pun, kenalah secara yang baik dengan laporan baik, jangan sensasikan dan ada unsur perli pula. Itulah yang membuatkan pemimpin berasa tak senang hati dan kadang-kadang marah,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Pusat Koi Sentul Park, di sini, petang semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas sikap segelintir pemimpin, ter-

masuk menteri yang didakwa gagal melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan, melenting apabila sesuatu isu yang membabitkan bidang kuasa mereka didedahkan media.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu semua media supaya lebih bertanggungjawab bagi mengelak timbulnya pendapat mengatakan mereka mempunyai agenda tertentu terhadap seseorang sehingga menimbulkan masalah lain.

“Ada orang kata, surat khabar ada agenda kerana ia (mensensasikan laporan negatif) selalu dituju kepada orang (tertentu) saja,” katanya.

Ditanya apakah beliau merestui pendedahan seperti yang dibuat media itu, Abdullah berkata media perlu bertanggungjawab dan bukannya membuat laporan yang berniat menyindir hingga membangkitkan kemarahan.